KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	17/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KELANTAN			

Muktamad, tak ditarik balik

Oleh ROSLIZA MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Arahan mengosongkan kebun durian Musang King dan getah di Kampung Pulai, Gua Musang yang diteroka dalam kawasan Hutan Simpan Ulu Galas adalah muktamad dan tidak akan ditarik balik.

Demikian ditegaskan Pengarah Perhutanan negeri, Abdul Khalim Abu Samah yang berkata, peneroka diharap mematuhi arahan itu kerana tempoh masa 14 hari daripada tarikh notis dikeluarkan pada 30 September lalu sudah tamat.

"Alasan tidak tahu kawasan itu merupakan hutan simpan bukan isunya kerana kalau pun tanah itu bukan hutan simpan, ia sudah semestinya tanah kerajaan dan tidak boleh diterokai sewenang-wenang.

"Mereka telah meneroka selama 25 tahun tanpa sebarang bayaran kepada kerajaan negeri. Sepatutnya tidak ada masalah untuk keluar dari kawasan tersebut," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Terdahulu, lebih 30 pengusaha kebun durian Musang King dan getah seluas 90 hektar di Kampung Pulai terkedu diarah pihak berkuasa supaya mengosongkan kawasan itu setelah 25 tahun mengusahakannya.



SEBAHAGIAN daripada 90 hektar tanah Hutan Simpan Ulu Galas, Gua Musang diteroka secara haram dan ditanam dengan durian Musang King dan getah sejak hampir 25 tahun lalu. – MINGGUAN/AIMUNI TUAN LAH

Menurut kumpulan pekebun terbabit, perkara itu disifatkan amat mengejutkan kerana hanya selepas 25 tahun ini, barulah mereka diberitahu kawasan diusahakan merupakan sebahagian daripada hutan simpan.

Abdul Khalim dalam pada itu berkata, beliau tidak dapat mengulas lanjut berkaitan pencerobohan tanah Hutan Simpan Ulu Galas dan sekadar memberitahu, perkara itu akan dibincangkan secara terperinci dengan kerajaan negeri dalam masa terdekat.

"Buat masa ini saya harap arahan pengosongan dipatuhi kerana ia tidak akan ditarik balik," tegas beliau.